

## LKTN perlu lebih agresif

**KOTA BHARU** - Sebagai salah satu komoditi sumber pertumbuhan ekonomi baharu negara, pembangunan tanaman kenaf perlu bergerak jauh ke depan untuk mencapai keberhasilannya dan mendepani pelbagai isu.

Itulah harapan pengerusi baharu Lembaga Kenaf Tembakau Negara, Wan Rahim Wan Abdullah yang mahu industri gantian tanaman tembakau itu membawa perubahan lebih besar selepas lapan tahun diperkenalkan secara komersial.

Wan Rahim berkata, berdasarkan lawatan Menteri Industri Utama, Teresa Kok bulan lalu yang melihat perkembangan tanaman itu memaklumkan bahawa usaha ke arah itu sepanjang tempoh lapan tahun sebenarnya mengecewakan.

"Gagal. Jadi kalau kita nak majukan industri kenaf mestilah kena bergerak ke hadapan dengan melibatkan pelabur swasta, ladang secara komersial dan seumpamanya kerana daripada sebatang kenaf ia boleh menghasilkan pelbagai bahan.

"Ramai yang masih belum tahu kegunaan tanaman kenaf ini. Saya juga melihat potensi penanaman kenaf di Sabah dan Sarawak. Peluang yang cukup baik untuk bekerjasama dengan masyarakat di sana," katanya kepada media



Samsudin (dua, kiri) menunjukkan antara bahan dihasilkan daripada kenaf yang boleh diproses untuk dijadikan pelbagai produk.

semalam.

Terdahulu beliau menghadiri taklimat di Ibu Pejabat LKTN, Kubang Kerian yang turut hadir sama Ketua Pengarah LKTN, Samsudin Noor.

Dalam perkembangan sama, Wan Rahim juga memaklumkan beliau tidak berhasrat mengubah pelaksanaan pembangunan kenaf semasa berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Industri Kenaf 2015-2025 biarpun di bawah pentadbiran kerajaan baharu.

"Saya melihat semuanya baik... Cuma kita akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat untuk menjayakan fokus

semasa LKTN dalam melengkapkan rantaian nilai pengeluaran dan meningkatkan penglibatan swasta dalam pelaburan kenaf," katanya.

Selain itu, beliau yang dilantik sebagai pengerusi ke-13 itu berharap LKTN terus memainkan peranan bagi menarik minat pekebun kecil terutamanya golongan belia untuk menjadikan kenaf sebagai salah satu aktiviti sosial-ekonomi.

"Industri kenaf mempunyai potensi besar dan berdaya saing untuk dibangunkan dalam industri berasaskan bahan pembinaan dan automotif pada masa hadapan," katanya.